

PEMBANGUNAN WILAYAH

Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri penting untuk memastikan usaha pembangunan dapat memberikan manfaat untuk kesejahteraan rakyat di seluruh negara.

Kerjasama sosioekonomi diperluas kepada pembangunan wilayah berdasarkan pembangunan kawasan selepas tahun 1970.

Kerajaan Persekutuan membuka kawasan yang lebih luas di beberapa buah negeri untuk membangunkan wilayah baharu.

Di Sarawak, ditubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (LKTS) dan Lembaga Penyatuan Pemuliharaan Tanah Sarawak (SALCRA). Di Sabah, ditubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB).

